

06 MAR 2002

MAHATHIR TANDATANGAN SURAT AKUJANJI

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menandatangani Surat Akujanji di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Istana Negara di sini.

Selepas menandatangani, Perdana Menteri menyerahkan surat itu untuk ditandatangani dan disahkan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Majlis menandatangani Surat Akujanji itu turut disaksikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Yang turut hadir ialah semua menteri kabinet yang juga akan menandatangani Surat Akujanji di hadapan Dr Mahathir di Putrajaya petang ini.

Kerajaan telah meminta kira-kira 900,000 kakitangan awam untuk menandatangani Surat Akujanji yang bertujuan memastikan mereka menjalankan tugas dengan amanah dan ikhlas.

-- BERNAMA
MUN MFJ RON